



Penghasilan filem pendek beri pendedahan kepada pelajar

BARU-baru ini, sebuah filem pendek yang dihasilkan oleh para pelajar jurusan akhir Seni Kreatif (Major Teater) ditayangkan kepada umum.

Filem pendek bergenre seram yang diberi judul 'Hello' itu juga menjadi salah satu filem dipertandingkan pada minggu Festival Screen Digital yang telah berlangsung pada 13, 14, dan 15 November yang lalu, di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut pengarahnya yang juga merupakan pelajar Major Teater, Ravino Joseph, mengarah filem pendek seperti itu merupakan pengalaman baru buat dirinya yang mencabar diri menjadi seorang pengarah.

Sambil berkata, ia merupakan pengalaman yang baru dengan menampilkan krew-krew produksi dalam pengurusan sesebuah pembikinan filem pendek.

"Dengan penghasilan filem pendek ini merupakan langkah awal untuk kami terus mengasah ilmu dan bakat sekaligus dapat memberi pendedahan kepada kami untuk menghasilkan sebuah karya bermutu dalam membantu membangunkan industri perfileman khususnya di Malaysia.

"Bukan itu sahaja, melalui pendedahan seperti ini membantu mahasiswa dan mahasiswi UMS untuk mengetahui

bagaimana sebenarnya perjalanan melakukan proses menyiapkan sesebuah filem seperti yang berlaku dalam industri seni.

"Bermula dari proses pra produksi sehinggalah penerbitan sebuah filem, proses tersebut perlu dilalui oleh mahasiswa/i agar dapat memberi pengetahuan mengenai selok belok dunia perfileman," kata Ravino lagi.

Produki ini yang dikenali Motionblast Picture disertai beberapa kumpulan dari pelajar jurusan Seni Kreatif dan juga Teknologi Seni Visual.

Hello berkisarkan mengenai Azad yang baharu sahaja sebulan bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan. Pada malam kejadian sewaktu bertugas bersama seorang lagi pengawal keselamatan bernama Mail. Mail merupakan pekerja lama.

Ketika itu satu kejadian aneh berlaku dimana Azad telah menerima panggilan daripada seorang wanita yang terkurung dalam sebuah bilik terletak dihujung tingkat empat bangunan tempat Azad bekerja. Kemudian, Azad pengsan dan bermimpi mengenai kejadian yang berlaku pada empat tahun lalu apabila Eddie tanpa sengaja telah terbunuh perempuan simpanannya bernama Rania. Perkara yang lebih memmeranjatkan ialah Mail turut mengetahui kejadian itu.



Skrip 'Hello' merupakan garapan pelajar UMS, Dg. Farah Atirah Ag. Asim yang merupakan pelajar lepasan Diploma Penulisan (Artistik) daripada Fakulti Filem, Teater & Animasi Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor.